

PERTANDINGAN PROJEK PENYELIDIKAN INOVASI NANOTEKNOLOGI (PIN) PERINGKAT KEBANGSAAN 2022

SYARAT-SYARAT, PERATURAN DAN MAKLUMAT AM

1. Pengenalan

Pusat Nanoteknologi Kebangsaan (NNC), MOSTI mengambil inisiatif untuk mengadakan Pertandingan Projek Penyelidikan Inovasi Nanoteknologi (PIN) Peringkat Kebangsaan 2022 yang akan berlangsung sehingga Julai 2022 secara dalam talian. Pertandingan ini diadakan bertujuan memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk membentangkan idea kreatif dan inovatif dalam penyelidikan serta pembangunan nanoteknologi yang merangkumi penghasilan bahan, teknologi dan aplikasi nanoteknologi dalam pelbagai sektor. Pertandingan PIN tertumpu kepada projek penyelidikan dalam bidang nanoteknologi yang berpotensi dan mempunyai nilai komersial pada tahap *Technology Readiness Level 1* (TRL1).

Antara objektif pertandingan adalah seperti berikut:

- i. Menggalakkan penglibatan pelajar institusi pengajian tinggi dalam program yang dianjurkan oleh kerajaan terutamanya program MOSTI;
- ii. Meningkatkan motivasi pelajar bagi mendalami ilmu pengetahuan mengenai teknologi nano serta memperoleh kemahiran untuk menyelesaikan masalah atau cabaran yang dihadapi oleh industri;
- iii. Membangunkan dan menyokong minat, pengetahuan, kepakaran serta kemahiran golongan muda terdiri daripada pelajar sarjana dan pelajar doktor falsafah yang berbakat dalam bidang nanoteknologi; dan
- iv. Mencetuskan semangat kepada para pelajar di Malaysia untuk menghasilkan projek yang berkualiti dan mempunyai tahap daya saing yang tinggi dalam bidang nanoteknologi, aplikasi serta faedah kepada kehidupan seharian.

PERTANDINGAN PROJEK PENYELIDIKAN INOVASI NANOTEKNOLOGI (PIN) PERINGKAT KEBANGSAAN 2022

2. Syarat-syarat pertandingan

- i. Pertandingan adalah **TERBUKA** kepada semua pelajar (warganegara dan bukan warganegara Malaysia) Sarjana dan Doktor Falsafah di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia.
- ii. Penyertaan adalah secara **INDIVIDU**.
- iii. Peserta hendaklah membuat pendaftaran dan menghantar **BORANG RINGKASAN PENCALONAN** serta **SLAID PEMBENTANGAN** di *google form* pada pautan <https://forms.gle/dQ8xkmE1VZtADmgr5> selewatnya pada **30 JULAI 2022**.
- iv. Peserta hendaklah menyediakan slaid pembentangan (**MAKSIMUM 12 SLAID**) di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris sahaja.
- v. Masa yang diberikan untuk pembentangan projek penyelidikan selama 10 minit dan sesi soal jawab 10 minit.
- vi. Peserta yang disenarai pendek akan dihubungi oleh pihak urusetia dan dikehendaki untuk membuat pembentangan projek penyelidikan.
- vii. MOSTI berhak meminda atau mengguna pakai maklumat Projek Penyelidikan Inovasi Nanoteknologi (PIN) untuk tujuan promosi, hebahan dan program kesedaran.
- viii. Slaid pembentangan hendaklah mengandungi:
 - **Tajuk**
 - **Objektif Penyelidikan – 1 Slaid**
 - **Latar Belakang – 2 Slaid (maksimum)**
 - **Ringkasan & Metodologi Penyelidikan – 3 Slaid (maksimum)**
 - **Tema dan Kumpulan Sasaran Penyelidikan – 1 Slaid**
 - **Faedah Penyelidikan Kepada Masyarakat & Negara – 1 Slaid**
 - **Penemuan Sainifik (Jika ada) – 1 Slaid**
 - **Kesimpulan – 1 Slaid**

3. Kategori

Pertandingan Projek Penyelidikan Inovasi Nanoteknologi (PIN) Peringkat Kebangsaan 2022 ini dibahagikan kepada 2 kategori iaitu:

Kategori 1: Sarjana; dan

Kategori 2: Doktor Falsafah

**PERTANDINGAN PROJEK PENYELIDIKAN INOVASI NANOTEKNOLOGI (PIN)
PERINGKAT KEBANGSAAN 2022**

4. Pemilihan pemenang dan hadiah

- i. Keputusan pertandingan akan ditentukan oleh panel hakim yang dilantik dan **keputusan adalah muktamad**. Sebarang surat menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.
- ii. Sesi penjurian akan diadakan pada **8 September 2022** (*tertakluk kepada perubahan semasa) pada tempat dan masa yang akan diberitahu kelak.
- iii. Pemenang akan diumumkan pada **Majlis Perasmian Program Nano Kebangsaan 2022** yang akan berlangsung pada **9 September 2022** (*tertakluk kepada perubahan semasa).
- iv. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kategori Sarjana

Tempat pertama	: RM1,500.00 dan sijil penghargaan;
Tempat kedua	: RM1,000.00 dan sijil penghargaan;
Tempat ketiga	: RM500.00 dan sijil penghargaan;
Sagu hati (2x)	: RM100.00 dan sijil penghargaan.

Kategori Doktor Falsafah

Tempat pertama	: RM1,500.00 dan sijil penghargaan;
Tempat kedua	: RM1,000.00 dan sijil penghargaan;
Tempat ketiga	: RM500.00 dan sijil penghargaan;
Sagu hati (2x)	: RM100.00 dan sijil penghargaan.

- v. **Enam (6) pemenang utama** bersama kertas cadangan projek penyelidikan akan dijadikan **Projek Angkat Pusat Nanoteknologi Kebangsaan (NNC)**. Projek angkat ini akan diketuai oleh penyelia pelajar masing-masing untuk dibangunkan bagi memohon dana yang bersesuaian di Malaysia Grand Challenge (MGC) MOSTI dengan bimbingan NNC dan NanoMalaysia Berhad (NMB). Selain itu, projek ini juga akan dibimbing untuk menjadi Techno-Entrepreneur melalui program kerjasama Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan Cradle Fund.